

MUSIBAH MAAH (MEMBINA RUMAH)

ANTARA PELANGGARAN ADAT,
PANTANG LARANG
DAN *BLACK STREAM*

Oleh: SIMON SUMIN DUGOK

Golongan emas etnik pagan Kadazan Papar yakin bahawa perlanggaran adat dan pantang larang dalam pembinaan rumah, misalnya perlanggaran dalam memilih tapak rumah, bahan binaan, masa (menurut kitaran bulan), dan sebagainya, menjadi antara penyebab utama pemilik atau penghuni rumah berkenaan sering dilanda musibah. Hal yang berlaku ini dipercayai merupakan timbal balas terhadap pencerobohan habitat makhluk halus termasuk jin, yang tidak diusir terlebih dahulu.

Berbeza dengan teori Dr. Peter F, pencari barang misteri dari dalam bumi yang bergiat aktif selama lebih 25 tahun dalam kajian *dowser*. Menurut beliau, musibah serupa terjadi disebabkan oleh *black stream*, iaitu arus bumi bertindak balas terhadap segala “pencerobohan” yang berlaku di sekitarnya.

Kuasa ghaib ini juga dikenal sebagai *negative ley*. Kuasa ghaib aktif apabila garisan itu merentasi kediaman, ladang dan sebagainya. Menurut Dr. Peter F, sesiapa sahaja yang telah dikuasai akan mudah dijangkiti pelbagai penyakit seperti barah dan gangguan emosi.

Implikasi *black stream* tidak hanya berpusat kepada manusia, tanaman, binatang, malah pada alat ciptaan manusia, misalnya tiang elektrik dan telefon yang lebih cepat berkarat, berbanding dengan yang lain.

Peleraian Musibah

1. Pemilihan tapak

Bagi sesetengah tempat, sebelum kerja memacak tiang seri, wajib dimulakan dengan memacak pancang, iaitu tempat tiang akan dipacakkkan. Selama tempoh “bertenang”, lazimnya tiga hari, jika tiada mimpi dan alamat buruk, kerja-kerja memacak tiang akan dilakukan dari tujuh hingga 15 haribulan.

Proses awal ini amat penting. Oleh hal demikian, perancangan pemilihan tapak rumah adalah berpandukan kepercayaan tradisi (animisme), peraturan, pengalaman, serta kemahiran. Antara tapak rumah yang tidak sesuai ialah bekas tanah perkuburan lama, tempat laluan manusia dan jin, tepi sungai dan parit, mempunyai mata air, berhampiran busut, dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, syarat ini boleh diketepikan sekiranya tapak rumah yang sesuai sudah tidak ada, tetapi tapak rumah yang terpaksa dipilih itu dipulihkan terlebih dahulu oleh golongan *bobohizan*. Antara ritual pemulihan termasuklah menyuruh jin, makhluk halus atau penunggu meninggalkan atau berpindah dari tempat tersebut selepas diberikan pengeras.

2. Pemilihan bahan binaan

Perkara yang tidak kurang penting ialah pemilihan bahan binaan. Bahan binaan seperti kayu-kayan, daun rumbia, bambu, dan sebagainya mestilah bersifat tahan lama, tidak ditebus bubuk (kutu kayu), dan kayu-kayan yang tidak mempunyai pucuk muda serta pelbagai jenis. Permulaan memacak tiang, mengambil atau mengumpul bahan-bahan wajib dimulai pada bulan yang sama.

Pembinaan Rumah

Semasa tempoh pembinaan rumah, pemilik rumah ditegah sama sekali meneruskan kerja-kerja pembinaan sekiranya berlaku kematian di kampungnya atau di kampung bersebelahan, sehinggalah pada hari pengebumian. Bumbung

rumah juga tidak dibolehkan mengarah ke sungai yang terdekat kerana bumbung rumah menyerupai binaan rumah kubur.

Pemulihan Tanah

Berbeza dengan kaedah para dowser, mereka meleraikan tanah dengan kaedah yang dikenal sebagai pemulihan tanah atau bumi (*land accupuncture*). Batang-batang tembaga digunakan untuk mengetuk dan menyucuk di segenap kawasan berkenaan secara berulang-ulang untuk beberapa minggu.

Ahli-ahli geomansi Cina menamakan kejadian sebagai *sha*. Mereka meyakini *sha* mampu mendatangkan impak, termasuk kematian, kerosakan dan kemasuhan. *Sha* berlaku sekiranya terdapat gangguan pada keseimbangan, iaitu antara sifat pada kuasa *yin* dan *yang*.

Kaedah perubatan alam sekitar (*enviromental medicine*) atau lebih tepat *land accupuncture* adalah paling relevan menurut para geomansi Cina. Batang-batang tembaga yang digunakan oleh para *dowser* boleh dibaratkhan sebagai jarum yang digunakan oleh ahli perubatan lama Cina dalam perawatan akupunktur untuk tubuh manusia.

Apakah benar musibah yang terjadi adalah disebabkan oleh tindakan balas dendam mahkluk halus dan jin terhadap manusia yang “menyakitkan” mereka? Atau, adakah hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh setiap hidupan mempunyai hubung kait secara langsung dengan kejadian alam?

Menurut Tom Graves yang juga seorang *dowser*, merumuskan perubatan alam sekitar merupakan cara terbaik untuk mengembalikan tenaga yang “di musnahkan” oleh manusia. Mungkin juga memacak wang siling lama di setiap tiang seri rumah dan menabur garam juga merupakan perubatan alam sekitar bagi etnik pagan Kadazan? Dalam hal ini, satu persoalan yang pasti ialah kenyataan bahawa fikiran manusia mengawal seluruh pergerakan badan, sudah diterima, namun belum ada lagi bukti yang kukuh untuk meyakinkan bahawa fikiran manusia dikawal oleh kuasa-kuasa bumi.